

12 JUN 2003

SHAFIE-BANK

BANK DIMINTA BUAT PROMOSI UNTUK PENIAGA KECIL

IPOH, 12 Jun (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh hari ini meminta bank di negara ini yang menawarkan pinjaman kepada peniaga kecil supaya membantu memudahkan urusan pinjaman dan membuat rancangan perniagaan.

Pegawai-pegawai bank, katanya, tidak sepatutnya hanya duduk di pejabat dan menunggu peniaga kecil datang ke bank untuk menghantar borang permohonan.

Sebaliknya, pegawai bank perlu menemui bakal peminjam untuk memberi nasihat tentang pinjaman yang ditawarkan dan cara menjayakan pinjaman tersebut.

"Para peniaga kecil ini adakala tidak berpelajaran tinggi. Mereka tidak begitu faham tentang urusan pinjaman.

"Bantu mereka isi borang dan tolong mereka buat pelan perniagaan. Kalau boleh biar mereka cap jari atau tandatangan sahaja," katanya kepada pemberita selepas sesi penerangan tentang strategi baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan kaitannya dengan Skim Kredit Mikro dan Projek Harapan, di sini.

Dr Shafie berkata dengan adanya bantuan seperti ini, segala urusan pinjaman akan dapat dilakukan dengan lebih mudah, terurus dan terancang bagi peniaga kecil yang betul-betul memerlukan bantuan perniagaan.

Bank juga diminta bank supaya mengkaji latar belakang bakal peminjam.

"Mereka kena pastikan samada peminjam itu betul-betul hendak berniaga ataupun mereka membuat pinjaman kerana hendak menutup lubang yang telah mereka gali," katanya tentang sebahagian peniaga yang membuat pinjaman di bank untuk melunaskan hutang yang dibuat dengan ceti haram, yang digelar "Along".

"Jika pinjaman mereka diluluskan dan mereka berhutang dengan Along, hutang mereka semakin banyak. Oleh itu, sebelum pinjaman diluluskan siasat latar belakang mereka," katanya.

Sementara itu, pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Datuk Abdul Azim Zabidi, berkata di bawah Skim Kredit Mikro BSN yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei lepas, setiap peminjam dikehendaki mengemukakan "mentor" yang terdiri dari pertubuhan atau persatuan seperti Persatuan Penjaja atau Persatuan Peniaga Kecil.

"Salah satu sebabnya untuk mengesan samada mereka ada berhutang dengan Along. Maklumat tentang peminjam tersebut boleh diketahui melalui mentor tersebut," katanya.

Pengurus negeri Bank Pertanian Malaysia (BPM), Puteh Aminah Mohamed Tajul Aros, pula berkata BPM biasanya akan meminta peminjam mengemukakan tiga orang rujukan dan BPM akan menyiasat latar belakang peminjam menerusi tiga rujukan ini.

BSN dan BPM adalah dua institusi kewangan yang dilantik kerajaan untuk menyalurkan pembiayaan mudah di bawah Skim Kredit Mikro dengan dana berjumlah RM1 bilion untuk peniaga kecil. -- BERNAMA

KAY JR